



Arena mengalu-alukan sebarang aktiviti sukan di pelbagai peringkat untuk disiarkan di akhbar ini. Gambar serta keterangan ringkas boleh dihantar ke [sukan@hmetro.com.my](mailto:sukan@hmetro.com.my)

# Serdang Girls tepati status

## Ungguli Hoki Kuantan 7'S selepas benam SSTMI

Oleh Mohd Rafi Mamat  
[sukan@hmetro.com.my](mailto:sukan@hmetro.com.my)  
**Kuantan**

**M**embariskan pemain kebangsaan menjadi kelebihan kepada pasukan Serdang Girls untuk muncul juara kategori terbuka kejohanan Cabaran Hoki Kuantan 7'S selepas menjinakkan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI) 1-0 di Stadium Hoki Wisma Belia, kelmarin.

Gol tunggal wakil Universiti Putra Malaysia (UPM) disumbangkan penyerang lincih Nurul Nabihah Mansur sekali gus membawa pulang piala pusingan dan piala iri-

**FAKTA**  
 Serdang Girls bawa pulang piala pusingan, piala iringan dan RM15,000



PASUKAN Serdang Girls mempamerkan piala dimenangi.

ngan selain wang tunai RM15,000.

Kapten Serdang Girls Siti Shahida Saad berkata, kesungguhan dan pengalaman luas pe-

main yang digandingkan dengan corak permainan berpasukan menjadi kelebihan kepada kejayaan pasukan.

Katanya, pencapaian cemerlang itu diharap menjadi pembakar semangat pe-

main meneruskan kejayaan pada saingan Kejohanan Hoki Antarabangsa Universiti Sains Malaysia (USM) hujung tahun ini.

“Corak permainan berpasukan yang diamalkan banyak membantu kami me-

newaskan lawan di peringkat kumpulan hingga ke final bertemu wakil Johor SSTMI selain kecergasan pemain kerana mereka perlu sentiasa bergerak sepanjang perlawanan.

“Saya tidak sangka sasaran

awal penyertaan hanya untuk pendedahan namun berakhir dengan kejayaan membanggakan. Ini meningkatkan imej UPM di pentas kebangsaan,” katanya.

Siti Shahida yang juga pemain kebangsaan berkata, lebih membanggakan apabila UPM A turut muncul juara kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) selepas menewaskan APC I-0.

Dia yang turut beraksi bersama UPM A berkata, kejayaan itu membolehkan pasukan yang membariskan keseluruhan pelajar UPM meraih hadiah piala pusingan, piala iringan dan wang tunai RM1,200.

“Hampir semua pemain Serdang Girls dan UPM A terdiri daripada pemain kebangsaan yang akan berlepas ke Australia sebagai persiapan membawa cabaran negara di Sukan SEA Singapura, bulan depan,” katanya.

Kejohanan anjuran Persatuan Hoki Daerah Kuantan (PHDK) itu disertai lebih 130 pasukan dalam lapan kategori dan menawarkan hadiah keseluruhan RM23,000.